A

Pendakwa Raya lwn Kamarul Bahari bin Sharif dan lain-lain

B

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN JENAYAH NO AB-42ES-3–09 TAHUN 2018
ASMADI HUSSIN PK
2 JANUARI 2019

C

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan — Kesalahan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 — Hakim mahkamah sesyen menolak permohonan perayu untuk melucuthakkan sebuah kenderaan yang dipandu oleh responden — Rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen — Tafsiran peruntukkan pelucuthakkan — Sama ada pelucuthakkan di bawah s 110 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 adalah mandatori — Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ss 62, 110(1) & (2)

D

Ini merupakan rayuan oleh pendakwa raya terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang menolak permohonan perayu untuk melucuthakkan sebuah kenderaan pacuan empat roda ('kenderaan tersebut') yang digunakan oleh keempat-empat responden yang didapati membawa satu ekor kijang betina yang telah mati iaitu hidupan liar dibawah Jadual Pertama Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ('Akta tersebut'). Keempat-empat responden pada mulanya dipertuduhkan dibawah s 62 Akta tersebut, yang mana responden ketiga dan keempat telah mengaku salah atas pertuduhan tersebut dan pegawai pendakwa telah menarik balik pertuduhan ke atas responden pertama dan kedua. Hakim bicara memutuskan bahawa pelucuthakkan kenderaan di bawah Akta tersebut merupakan budi bicara mahkamah dan tidak mandatori. Hakim bicara juga memutuskan berdasarkan fakta kes, kijang tersebut dibeli daripada orang kampung dan semasa responden ketiga dan keempat dalam perjalanan kenderaan yang dinaiki responden ketiga dan keempat rosak. Responden ketiga dan keempat kemudiannya meminta bantuan daripada responden pertama dan kedua, dan mereka meneruskan perjalanan dengan kenderaan tersebut. Hakim bicara memutuskan bahawa kenderaan tersebut hanya digunakan sebagai pengangkutan sahaja dan bukannya untuk tujuan penyeludupan hidupan liar secara besar-besaran. Perayu menghujahkan bahawa peruntukan pelucuthakkan di bawah Akta tersebut lebih kurang sama dengan peruntukkan pelucuthakkan di bawah Akta Kastam 1967 yang mana perintah pelucuthakkan dibuat setelah kesalahan dibuktikan. Responden pertama menghujahkan bahawa kenderaan tersebut dibeli dengan harga RM30,000 dan digunakan untuk mengurus kebun yang diusahakannya. Pada hari kejadian, responden pertama hanya sekadar menolong responden ketiga dan keempat di dalam kesusahan yang tersangkut di dalam hutan.

E

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan rayuan dan memerintahkan agar kenderaan tersebut dilucuthakkan kepada Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN Malaysia:

(1) Subseksyen (1) dan (2) s 110 Akta tersebut perlu dibaca secara bersama-sama dan tidak boleh dibaca secara berasingan. Subseksyen 2 jelas menunjukan bahawa perintah pelucuthakkan terhadap barangan yang disita mestilah dibuat setelah mahkamah berpuas hati suatu kesalahan di bawah Akta tersebut ataupun undang-undang kecil telah dilakukan. Di dalam kes di hadapan hakim bicara, dengan menjatuhkan hukuman ke atas responden ketiga dan keempat, sudah pasti hakim bicara berpuas hati kesalahan di bawah s 62 Akta telah dilakukan. Dalam keadaan tersebut, pelucuthakkan kenderaan tersebut yang dijadikan sebagai pengangkut adalah mandatori (lihat perenggan 15).

(2) Kegagalan hakim bicara memberi perhatian kepada peruntukan mandatori sub-s (2) s 110 Akta tersebut merupakan satu salah arahan melalui tiada arah diri yang mewajarkan campur tangan mahkamah (lihat perenggan 17).

[English summary

This is an appeal from public prosecutor against the decision of the sessions court judge which dismissed the appellant's appeal to forfeit a four wheel drive vehicle ('the said vehicle') which was used by all four respondents who were found to be carrying a dead doe being a wildlife under the First Schedule of the Wildlife Conservation Act 2010 ('the said Act'). All four respondents were initially charged under s 62 of the said act, wherein the third and fourth respondent had pleaded guilty to the aforementioned charges and the prosecuting officer had withdrawn the charges against the first and second respondent. The trial judge found that the forfeiture of the said vehicle is the discretion of the court and is not mandatory. The trial judge also ruled based on the facts of the case, the doe was bought from the villagers and when the third and fourth respondent was on their way, the vehicle used by the third and fourth respondent broke down. The third and fourth respondent subsequently asked for the assistance of the third first and second respondent, and their continued on their way with the said vehicle. The trial judge ruled that the said vehicle was only use for transportation and not for the purpose of the smuggling of wildlife on a large scale. The appellant submitted that the forfeiture provision under the said Act is similar to the provision of forfeiture under the Customs Act 1967 where the order for forfeiture was made after the offence was proved. The first respondent submitted that the said vehicle was bought with the purchase price of RM30,000 and was used to maintain his farm. On the date of the event, the first respondent was merely assisting the third and fourth respondent who was stuck in the jungle.

Held, allowing the appeal and ordering that the said vehicle to be forfeited to

A the Director General of PERHILITAN Malaysia:

(1) Subsection (1) and (2) s 110 of the said Act must be read conjunctively and cannot be read disjunctively. Subsection 2 clearly shows that the order of forfeiture towards the seized items must be made after the court is satisfied an offence under the said Act or subsidiary law has been committed. In this case before the trial judge, by sentencing the third and fourth respondent, surely the trial judge is satisfied that an offence under s 62 of the said Act has been committed. In the said circumstance, the forfeiture of the said vehicle which was used as a carrier is mandatory (see para 15).

(2) The failure of the trial judge to bring his attention to the mandatory sub-s (2) s 110 of the said act is a misdirection by way of non-direction which necessitates the intervention of the court (see para 17).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kesalahan secara am, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 1996–2157.

Kes-kes yang dirujuk

Malayan Banking Bhd v PP [2017] MLJU 1955; [2017] 1 LNS 1844, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Mohd Khairudarwin Niesha bin Mohd Shafee [2018] MLJU 314, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Nasrun Effendi [2008] 4 MLJ 272, MT (dirujuk)

PP v Hassan Ali a/l Abdul Razak [2016] 12 MLJ 283; [2016] 9 CLJ 584, MT (dirujuk)

PP v Man bin Ismail [1939] 1 MLJ 207 (dirujuk)

PP v Mohd Salim Hamiddulrahman [1998] MLJU 254; [1998] 4 CLJ 199, MT (dirujuk)

PP v Wahab [1964] 1 MLJ 265, MT (dirujuk)

Teo Siaw Peng v PP [1993] 2 MLJ 364, MT (dirujuk)

Tumlong Kuandi v PP [1982] 1 MLJ 95 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kastam 1967

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ss 62, 110, 110(1), (2), (4)

Munirah bt Zainol Abidin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan PERHILITAN) bagi pihak perayu.

Mewakili diri sendiri bagi pihak responden.

Asmadi Hussin PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan yang dikemukakan oleh pendakwa raya ('perayu') terhadap keputusan Puan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar ('hakim bicara') bertarikh 16 Ogos 2018 yang menolak permohonan perayu untuk melucuthakkan sebuah kenderaan pancuan empat roda Land Cruiser bernombor pendaftaran WBS 5193 ('kenderaan itu').

[2] Melalui kes Saman No AG-63ES-1307/2018 keempat-empat responden dituduh atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama, pada 29 Mac 2017 lebih kurang jam 2.30 pagi di tepi jalan berhampiran Kern Tentera Kuala Rui, 33000 Gerik Perak, didapati ada di dalam milikan kamu satu (1) ekor Kijang (Muntiacus Muntjak) betina iaitu sejenis hidupan liar yang dilindungi yang tersenarai di dalam Jadual Pertama, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716). Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 62 Akta 716 dan boleh dikenakan hukuman yang sama di dalam Akta tersebut.
>
> Hukuman
>
> Denda tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjara untuk tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

[3] Tarikh kembalian saman jenayah tersebut ialah pada 16 Ogos 2018. Pada hari tersebut, setelah kes dipanggil semula, responden ketiga dan kempat telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan. Pengakuan bersalah tersebut diterima oleh hakim bicara. Atas dapatan salah dan sabitan, responden ketiga dan keempat telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM2,500 setiap seorang, jika gagal bayar penjara selama empat bulan. Kemudiannya, pegawai pendakwa ('PO') yang mengendalikan pendakwaan memohon pertuduhan ke atas responden pertama dan kedua ditarik balik. Responden pertama dan kedua telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. PO kemudian memohon kenderaan itu dilucuthakkan kepada kerajaan Malaysia. Permohonan itu telah ditolak oleh hakim bicara. Kenderaan itu diperintahkan dikembalikan kepada responden pertama yang merupakan pemilik berdaftar kenderaan itu. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu merayu ke mahkamah ini.

FAKTA KES

[4] Fakta kes sebagaimana yang diakui oleh responen ketiga dan keempat adalah seperti berikut:

> Pengadu dalam kes ini ialah seorang yang berjawatan Pegawai Penguatkuasa dari

Pejabat PERHILITAN daerah Gerik, yang bernama *Amirul Halim bin Ahmad* (No K/P: 860924-38-6389).

Pada 29 Mac 2017 jam lebih kurang 2.30 pagi, pengadu iaitu Amirul Halim bin Ahmad bersama-sama empat (4) kakitangan PERHILITAN *Gerik* telah menahan dan membuat pemeriksaan terhadap sebuah kenderaan jenis Toyota Land Cruiser II dengan nombor pendaftaran WBS 5193 di tepi jalan berhampiran Kern Tentera Kuala Rui, Gerik.

Semasa pemeriksaan ke atas kenderaan tersebut terdapat empat (4) lelaki melayu seperti senarai nama di bawah berada di dalam kenderaan berkenaan. Senarai keempat-empat lelaki melayu tersebut adalah seperti berikut:

Nama: Kamarul Bahari Bin Sharif (No KP: 690911-08-6281)

Nama: Arshad Bin Din (No KP: 660515-02-5113)

Nama: Azahari Bin Zakaria (No KP: 720712-09-5091)

Nama: Shahmizan Bin Damanhuri (No KP: 820204-08-6365)

Semasa pemeriksaan oleh pengadu telah menemui satu (1) ekor kijang (*Muntiacus muntjak*) betina yang telah mati iaitu hidupan liar dibawah Jadual Pertama Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] di dalam kenderaan mereka dan setelah di soal siasat bahawa hidupan liar tersebut adalah milik mereka dan mereka gagal menunjukkan sebarang dokumen atau tanpa lesen yang sah daripada Jabatan PERHILITAN.

Kegagalan menunjukkan sebarang lesen yang sah daripada Jabatan PERHILITAN menjadi kesalahan di bawah Seksyen 62 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] kerana menyimpan satu (1) ekor kijang (*Muntiacus muntjak*) betina yang telah mati tanpa lesen yang sah daripada Jabatan Perhilitan.

Laporan pengecaman spesies mengesahkan hidupan liar yang di rampas adalah seperti berikut:

Satu (1) ekor kijang (*Muntiacus muntjak*) betina yang telah mati iaitu hidupan liar di bawah Jadual Pertama Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan kesalahan di bawah Seksyen 62 Akta Pemulihraan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]

Perkara-perkara berikut dikemukakan sebagai barang eksibit.

1. Satu (1) Borang Senarai benda-benda yang disita (PHL01/2010)
2. Satu (1) Report Polis BERSIA/000182/17
3. Satu (1) Laporan Pengecaman Pakar Spesies Hidupan Liar
4. Tiga puluh (30) keping gambar barang kes
5. Satu (1) Borang Aduan Pengadu
6. Pelan Tempat Kejadian
7. Perintah Pelupusan bertarikh 31.03.2017.

ALASAN PENGHAKIMAN HAKIM BICARA

[5] Hakim bicara telah memberikan dua alasan kenapa beliau menolak permohonan PO agar kenderaan itu dilucuthakkan.

[6] Pertamanya, hakim bicara berpendapat perlucuthakkan kenderaan yang digunakan sebagai pengangkut dalam melakukan kesalahan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ('Akta') merupakan budibicara mahkamah dan tidak mandatori. Di dalam alasan penghakimannya, seperti yang ditemui di ms 21–22 rekod rayuan ('RR') Jld 1, hakim bicara menyatakan seperti berikut:

> [10] Mahkamah merujuk kepada peruntukan di bawah Seksyen 110(2) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Tahun 2010 (Akta 716):
>
> Section 110, Forfeiture of wildlife, etc, seized
>
> (1) Any wildlife, part or derivative of any wildlife, snare, trap, bait, poisoned bait, arms, conveyance, book, record, document or thing seized in the exercise of any powers under this Act shall be liable to forfeiture.
>
> [11] Di dalam Seksyen 110(2) akta tersebut, ayat yang digunakan adalah 'shall be liable to forfeiture'. Perkataan *shall be liable* ini menunjukkan bahawa ia bukan satu perintah yang mandatori tetapi ia memberikan budibicara kepada mahkamah untuk membuat keputusan samaada hendak membenarkan atau tidak membenarkan kenderaan tersebut dilucuthakkan setelah mendengar fakta dan keterangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak di dalam kes ini.

[7] Sebagai sokongan, hakim bicara telah memetik satu keputusan Mahkamah Tinggi Seremban *Pendakwa Raya lwn Mohd Khairudarwin Niesha bin Mohd Shafee* [2018] MLJU 314 yang telah mentafsirkan erti perkataan 'shall be liable'. Di dalam kes tersebut, YA Hakim Mahkamah Tinggi telah merujuk kepada penghakiman kes-kes *Public Prosecutor v Wahab* [1964] 1 MLJ 265, *Teo Siaw Peng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 364, *Public Prosecutor v Mohd Salim Hamiddulrahman* [1998] MLJU 254; [1998] 4 CLJ 199, *Public Prosecutor v Man bin Ismail* [1939] 1 MLJ 207, dan *Public Prosecutor v Hassan Ali a/l Abdul Razak* [2016] 12 MLJ 283; [2016] 9 CLJ 584 yang kesemuanya berkenaan dengan pentafsiran perkataan 'shall be liable' di dalam peruntukan hukuman.

[8] Keduanya, perintah tersebut dibuat berdasarkan fakta kes. Di dalam rayuan mitigasi, responden ketiga menyatakan kijang itu dibeli daripada orang kampung semasa mereka dalam perjalanan. Malangnya, kenderaan yang dinaiki oleh responden ketiga dan keempat (bukan kenderaan yang menjadi subjek rayuan) telah tersangkut dan mereka berdua telah meminta bantuan responden pertama dan kedua. Responden pertama dan kedua telah datang ke tempat responden ketiga dan keempat tersangkut dengan kenderaan itu.

Setelah diberi bantuan, mereka meneruskan perjalanan dengan kenderaan itu. Tidak lama kemudian, pihak PERHILITAN menahan mereka dengan menemui kijang yang mati di dalam kenderaan itu. Hakim bicara memutuskan bahawa kenderaan itu hanya digunakan sebagai pengangkutan sahaja dan bukannya untuk tujuan penyeludupan hidupan liar secara besar-besaran. Alasan penghakiman hakim bicara di muka s 28–29 RR Jld 1 memutuskan seperti berikut:

> [17] Walau bagaimanapun, mahkamah tetap menimbangkan fakta dan keterangan lain yang dikemukakan di mahkamah ini. Mahkamah juga mempertimbangkan fakta bahawa hidupan liar yang dijumpai adalah 1 ekor sahaja dan keterangan .ini pada pendapat mahkamah tidak menunjukkan bahawa OKT-OKT terlibat di dalam operasi penyeludupan atau jual beli secara besar-besaran hidupan liar. Walaubagaimanapun mahkamah tetap menimbangkan bahawa hidupan liar di seluruh dunia semakin pupus dan kerana itulah Parlimen merangka peruntukan undang-undang dengan hukuman yang lebih tinggi bagi mengatasi masalah pemburu haram yang sesuka hati memburu hidupan liar ini. Oleh kerana fakta inilah mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2500-00 ingkar bayar denda 4 bulan penjara ke atas OKT 3 dan OKT 4. Mahkamah juga telah memerintahkan supaya senapang patah yang dirampas daripada OKT-OKT dipulangkan kepada RELA. Namun berkaitan dengan kenderaan tersebut, mahkamah berpendapat ia patut dipulangkan kepada OKT 1 memandangkan OKT 1 juga telah dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan yang mana pihak pendakwaan sendiri ingin menarik balik pertuduhan ke atas OKT 1 dan OKT 2 dan juga fakta bahawa kenderaan tersebut bukanlah digunakan bagi tujuan penyeludupan besar-besaran atau jual beli hidupan liar sebaliknya hanya sebagai pengangkutan biasa sahaja.

PETISYEN RAYUAN DAN HUJAHAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA (TPR)

[9] Di dalam petisyen rayuan, perayu mengatakan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dalam mengembalikan semula kenderaan itu kepada responden pertama atas alasan-alasan berikut (lihat ms 5–6 RR Jld 1):

(a) HMS yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila gagal mengambil kira fakta yang menunjukkan bahawa hidupan liar yang menjadi subjek kesalahan kepada pertuduhan telah dijumpai di dalam jenis Toyota Land Cruiser (No Pendaftaran WBS 5193) apabila menolak permohonan Perayu untuk melucuthakkan kenderaan tersebut selaras dengan s 110(2) Akta 716;

(b) HMS yang bijaksana telah terkhilaf apabila gagal mengambilkira peruntukan s 110(2) yang sama sekali tidak memerlukan mahkamah untuk mempertimbangkan keadaan di mana pengangkut yang digunakan untuk melakukan kesalahan di bawah Akta 716 ini seringkali digunakan ataupun pertama kali digunakan bagi melakukan kesalahan di bawah Akta ini; dan

(c) HMS yang bijaksana telah terkhilaf apabila gagal mengambilkira peruntukan s 110(2) yang jelas menyatakan bahawa mahkamah hendaklah melucuthakkan benda yang disita iaitu kenderaan tersebut jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa satu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan kenderaan tersebut telah digunakan dalam perlakuan kesalahan tersebut di mana di dalam kes ini, HMS telah berpuas hati bahawa satu kesalahan telah dilakukan oleh responden 3 dan responden 4 dan telah menjatuhkan hukuman di atas kesalahan yang dilakukan tersebut.

Oleh yang demikian, perayu dengan segala hormat dan rendah diri memohon kepada mahkamah yang mulia ini untuk keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana bertarikh 16 Ogos 2918 diketepikan.

[10] Di dalam menghujahan bertulis TPR yang terpelajar telah merujuk kepada kes *Tumlong Kuandi v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 95 dan *Pendakwa Raya lwn Nasrun Effendi* [2008] 4 MLJ 272 mengenai peruntukan perlucuthakkan di bawah Akta Kastam 1967 yang lebih kurang sama dengan peruntukan sub-s 110(2) Akta itu di mana diputuskan keputusan mahkamah majistret membuat perintah perlucuthakkan setelah kesalahan telah dibuktikan adalah tepat. Di dalam kes *Tumlong Kuandi v Public Prosecutor* Yusof Abdul Rashid H memutuskan seperti berikut:

> The learned magistrate in the lower court ordered that the 'local craft', the tin ore and the tin slag be forfeited. Such forfeiture order was upheld and confirmed. Under s 127(1) of the Act:
>
> > An order for forfeiture ... of anything liable to forfeiture ... shall be made by the court ... if it is proved ... that an offence against this Act ... has been committed and that the goods were the subject matter of or were used in the commission of the offence ...
>
> In the instant appeal an offence under s 49(1) of the Act had been committed and proved. The tin ore and tin slag were proved to be 'goods of a class dutiable on import or export' and were the subject-matter of the charge. Such goods were conveyed in the 'local craft' seized by the customs. In the circumstances, the order for forfeiture of the 'local craft', tin ore and tin slag was made in accordance with s 127(1) of the Act.
>
> The appeal against the forfeiture of the goods was also dismissed.

[11] Di dalam penghujahan lisan, TPR membawa kepada perhatian mahkamah ini kepada dua keputusan Mahkamah Tinggi ini yang memerintahkan perlucuthakkan kenderaan yang digunakan sebagai pengangkut ketika kesalahan di bawah Akta itu dilakukan. Kes-kes tersebut ialah seperti berikut:

A (a) Mahkamah Tinggi Kuantan (TPR tidak membekalkan nombor kes rayuan kes Mahkamah Tinggi Kuantan) telah mengenepikan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen Kuantan di dalam Kes No CA-64–1–03 Tahun 2018 *Pendakwa Raya lwn Kamaruddin bin Mat Kassin & Mohd Azri bin Abu Razak* yang tidak membenarkan perintah perlucuthakkan
B kenderaan yang digunakan sebagai pengangkut dan membuat perintah perlucuthakkan; dan

(b) Mahkamah Tinggi Klang Rayuan Jenayah No BA-42(0RS)-7–04 Tahun 2018 *Pendakwa Raya lwn Mohamad Khairul Zolkople* di mana perintah
C hakim mahkamah sesyen yang mengembalikan kenderaan yang digunakan sebagai pengangkut telah diketepikan dan kenderaan itu telah dilucuthakkan.

HUJAHAN RESPONDEN

D

[12] Responden pertama telah memfailkan hujahan bertulis serta dibenarkan berhujah lisan di mahkamah. Beliau di dalam hujahannya mengatakan kenderaan itu dibeli dengan harga RM30,000. Kenderaan itu digunakan untuk menguruskan kebun yang diusahakannya. Pada hari
E kejadian beliau sekadar menolong responden ketiga dan keempat di dalam kesusahan yang tersangkut di dalam hutan. Responden pertama memohon keputusan hakim bicara dikekalkan.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

F

[13] Setelah menghalusi alasan penghakiman hakim bicara, mahkamah ini mendapati hakim bicara telah mencapai keputusan bahawa peruntukan mengenai perlucuthakkan di bawah Akta itu adalah tidak mandatori hanya merujuk kepada sub-s (1) s 110 yang (yang disangkanya sebagai sub-s (2)
G s 110) dibaca seperti berikut.

> (1) Any wildlife, part or derivative of any wildlife, snare, trap, bait, poisoned bait, arms, conveyance, book, record, document or thing seized in the exercise of any powers under this Act shall be liable to forfeiture.

H

[14] Hakim bicara telah gagal memberi perhatian dan mengambil kira peruntukan sub-s (2) s 110 Akta itu yang memperuntukkan seperti berikut:

> (2) *An order for the forfeiture of any wildlife, part or derivative of any wildlife, snare, trap, bait, poisoned bait, arms, conveyance, book, record, document or thing seized and*
I *liable to forfeiture under this Act shall be made by the court before which the prosecution with regard thereto has been held and an order for the forfeiture of the things seized shall be made if it is proved to the satisfaction of the court that an offence under this Act or any of its subsidiary legislation has been committed* and that the wildlife, part or derivative of any wildlife, snare, trap, bait, poisoned bait, arms, conveyance, book, record, document or thing was the subject matter of or was used in the commission of the

offence, even though no person has been convicted of such offence. (Penekanan ditambah.)

[15] Subseksyen (1) dan (2) s 110 Akta itu perlu dibaca bersama-sama dan tidak boleh dibaca secara berasingan. Perkataan yang dberi penekanan di dalam sub-s (2) s 110 di atas jelas menunjukkan bahawa perintah perlucuthakkan terhadap barangan yang disita, mestilah dibuat setelah mahkamah berpuas hati suatu kesalahan di bawah Akta itu ataupun undang-undang kecil telah dilakukan. Di dalam kes di hadapan hakim bicara, responden ketiga dan keempat telah mengaku bersalah dan telah disabitkan kesalahan. Mereka berdua masing-masingnya telah didenda sebanyak RM2,500 setiap seorang. Dengan menjatuhkan hukuman ke atas responden ketiga dan keempat sudah pasti hakim bicara berpuas hati kesalahan di bawah s 62 Akta itu telah dilakukan. Di dalam keadaan tersebut, perlucuthakkan kenderaan itu yang dijadikan sebagai pengangkut menjadi mandatori. Perkataan yang jelas di bawah sub-s (2) Akta itu tidak membenarkan hakim bicara memberi pentafsiran yang lain.

[16] YA Collin Lawrence Sequerah H di dalam kes *Malayan Banking Bhd v Public Prosecutor* [2017] MLJU 1955; [2017] 1 LNS 1844 telah berpeluang memutuskan peruntukan sub-s 110(4) Akta itu, iaitu sama ada pemilik kenderaan yang digunakan sebagai pengangkut ketika kesalahan di bawah Akta itu dilakukan berhak kepada suatu notis sebelum perintah perlucuthakkan boleh dibuat telah memutuskan seperti berikut:

> [19] The words employed in s 110 were clear and unambiguous and therefore left no room for reading words into the Act. In the case of *United Overseas Bank (Malaysia) Sdn Bhd v UJA Sdn Bhd & Another Appeal* [2010] 6 CLJ 204, the Court of Appeal held:
>
> > [6] With respect I am unable to agree. *It is true that courts have sometimes to read words into provisions in an Act of Parliament to prevent an absurdity from resulting. But where the language employed is clear and unambiguous, it is not the function of the court to re-write the statute in a way in which it considers reasonable.* As Seah SCJ said in *NKM Holdings Sdn Bhd v Pan Malaysia Wood Bhd* [1986] 1 LNS 79:
> >
> > > *It must always be borne in mind that we are judges, not legislators. The constitutional function of the courts is not only to interpret but also to enforce the laws enacted by Parliament.* In enforcing the Jaw we must be the first to obey it. It should be noted that the power of a court to proceed in a particular course of administering justice, was one of substance and not merely of form. *The duty of the court, and its only duty, is to expound the language of Act in accordance with the settled rules of construction. The court has nothing to do with the policy of any Act which it may be called upon to interpret*. That may be a matter for private judgment. It seems to us to be unwise .as it is unprofitable to cavil at the policy of an Act of Parliament, or to pass a covert censure on the Legislature (see Lord Chelmsford in *R v*

A *Hughes* [1866] LR 1 PC 81, 91 and Lord Macnaghten in *Vacher & Sons v London Society of Compositors* [1913] AC 7).

[7] In *Vickers, Sons and Maxim, Limited v Evans* [1910] AC 444, Lord Lorebum, LC, said (at p 445):

B My Lords, this appeal may serve to remind us of a truth sometimes forgotten, that this House sitting judicially does not sit for the purpose of hearing appeals against Acts of Parliament, or of providing by judicial construction what ought to be in an Act, but simply of construing what the Act says. *We are considering here not what the Act ought to have said, but what it does say;*

C ... The appellants' contention involves reading words into this clause. The clause does not contain them; and we are not entitled to read words into an Act of Parliament unless clear reason for it is to be found within the four corners of the Act itself.

D **[17]** Adalah jelas bahawa hakim bicara telah terkhilaf di dalam membuat keputusan tidak membenarkan perintah perlucuthakkan dibuat ke atas kenderaan itu, sedangkan peruntukan sub-s (2) s 110 adalah jelas bahawa setelah Mahkamah berpuashati suatu kesalahan di bawah Akta itu atau undang-undang kecil yang berkenaan telah dilakukan perintah
E perlucuthakkan adalah mandatori. Kegagalan hakim bicara memberi perhatian kepada peruntukan mandatori sub-s (2) s 110 Akta itu merupakan suatu salah arahan melalui tiada arah diri (*misdirection by way of non-direction*) yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini.

F KESIMPULAN DAN KEPUTUSAN

[18] Tafsiran yang dibuat oleh hakim bicara terhadap peruntukan perlucuthakkan di bawah Akta itu bersalahan dengan peruntukan nyata dan jelas di bawah sub-s (2) s 110. Dengan ini, rayuan perayu dibenarkan. Perintah
G yang dibuat oleh hakim bicara mengembalikan kenderaan itu kepada responden pertama diketepikan dan digantikan dengan perintah bahawa kenderaan itu hendaklah dilucuthakkan kepada Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN Malaysia.

H *Rayuan dibenarkan; diperintahkan agar kenderaan tersebut dilucuthakkan kepada Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN Malaysia.*

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan

I